

31 DEC 2001

Rekrut

MOHAMED ROZI MUNCUL REKRUT KESELURUHAN TERBAIK

PORT DICKSON, 31 Dis (Bernama) -- Mohamed Rozi Mohamed Nor muncul sebagai rekrut keseluruhan terbaik pada upacara perbarisan tamat latihan rekrut pengambilan siri 147/2001 di Pusat Latihan Asas Tentera Darat (Pusasda) di sini hari ini.

Mohamed Rozi, 20, berasal dari Kampung Padang Lembek, Ketereh, Kota Baharu, Kelantan juga muncul sebagai rekrut kawad terbaik.

Dengan kemenangan itu, beliau menerima piala pusingan Rejimen Askar Melayu Diraja dan Rejimen Semboyan Diraja serta cenderahati.

Serhan Abdul Rahman, 22, dari Tanah Merah, Kelantan dan Shaarisam Sakin, 21, dari Ranau, Sabah pula masing-masing muncul sebagai rekrut akademik terbaik dan rekrut penembak terbaik.

Masing-masing menerima piala pusingan Rejimen Renjer Diraja dan piala pusingan Kor Armor Diraja serta cenderahati.

Anak kelahiran Sarawak, Sammy anak George, 22, pula muncul sebagai rekrut kecergasan jasmani terbaik dan menerima piala pusingan Komandan Pusasda dan cenderahati.

Platun 1 Kompeni Foxtrot pimpinan Lt Mohamed Razif Datuk Mohamed Taha muncul johan platun merentas halangan manakala Platun 3 Kompeni India pimpinan Lt Razali Abdul Manan muncul platun terbaik. Masing-masing menerima piala pusingan Panglima Latihan Tentera Darat dan Panglima Tentera Darat.

Kompeni Foxtrot pimpinan Kapt Roslee Juma'at pula muncul kompeni terbaik dengan menggondol hadiah piala pusingan Sultan Pahang.

Hadiah disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Shafie Apdal, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, Panglima Angkatan Tentera Tan Sri Zahidi Zainuddin dan pegawai kanan angkatan tentera.

Sejumlah 1,957 orang rekrut menamatkan latihan enam bulan mereka sejak 25 Jun lepas.

-- BERNAMA

RP APG RHM